



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL.8 TAHUN 2020**

**PELAKSANAAN PROGRAM DANA PADANAN CARUMAN PLATFORM
EKONOMI GIG (*PENJANAGIG*) DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI
NEGARA (*PENJANA*)**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Majikan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada majikan berhubung pelaksanaan Program Dana Padanan Caruman Platform Ekonomi Gig (*PenjanaGig*) di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (*PENJANA*).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 5 Jun 2020 Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (*PENJANA*) diumumkan oleh YAB Perdana Menteri bagi memperkukuh aktiviti ekonomi gig, menyediakan jaringan perlindungan keselamatan sosial di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) kepada sektor pekerja tidak formal yang terlibat di dalam aktiviti ekonomi gig (pekerja gig) daripada impak Covid-19.
- 2.2 Pekerja gig adalah Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang terlibat untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja melalui platform penyedia perkhidmatan di atas aplikasi digital untuk mendapat upah. Umpamanya seperti GrabCar, FoodPanda, Lalamove, Bungkusit dan sebagainya.

- 2.3 Mengambil kira tempoh pra krisis dan post krisis penularan Covid-19 dan kesan kepada ekonomi yang menyeluruh, di bawah Program Dana Padanan Caruman Platform Ekonomi Gig (*PenjanaGig*) kerajaan melalui PERKESO mengambil langkah yang proaktif menangani kadar kemalangan yang meningkat dengan cara memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja gig.
- 2.4 Permintaan ke atas perkhidmatan pengangkutan makanan dan barangan sepanjang tempoh Covid-19 meningkat dengan begitu ketara dan fenomena ini turut mencetuskan peningkatan risiko kemalangan di jalan raya. Semakan kelayakan tuntutan faedah ke atas mangsa kemalangan yang terlibat sepanjang tempoh Covid-19 menunjukkan bahawa majoriti mereka adalah tidak berdaftar dan mencarum dengan PERKESO.
- 2.5 Langkah ke hadapan ini secara tidak langsung merupakan salah satu kaedah memperluaskan jaringan perlindungan keselamatan sosial kepada kalangan pekerja gig bagi memastikan jaminan insurans terhadap kemungkinan sebarang kontigensi yang mungkin berlaku semasa melaksanakan tugas kerja seharian.

3. LIPUTAN KELAYAKAN PROGRAM *PENJANAGIG*

- 3.1 Program *PenjanaGig* ditawarkan kepada pekerja gig yang memenuhi syarat-syarat berikut;
- 3.1.1 Bertaraf warganegara Malaysia atau pemastautin tetap.
 - 3.1.2 Bekerja secara aktif di bawah **platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig**.
 - 3.1.3 Bekerja sepenuh masa atau separuh masa.
 - 3.1.4 Pekerja gig yang belum pernah atau yang sedang mencarum SKSPS layak mendapat program Padanan Caruman ini.
 - 3.1.5 Perlindungan SKSPS di bawah program ini adalah ditetapkan di bawah Pelan 2 sahaja.
 - 3.1.6 Pekerja gig bekerja di Malaysia.

- 3.2 Mana-mana pekerja gig yang melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor adalah dibenarkan membuat permohonan, dengan syarat sektor berkenaan adalah di bawah **platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig**. Contoh senario adalah seperti berikut:

Senario	Contoh	Kelayakan Permohonan
Senario 1: Bekerja di bawah satu sektor (di bawah platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig)	Sektor pengangkutan penumpang (MyCar).	Layak satu permohonan.
Senario 2: Bekerja di bawah dua sektor yang berbeza (kedua-dua sektor adalah di bawah platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig).	Sektor pengangkutan penumpang (pemandu Grabcar) dan perkhidmatan profesional (Freelancer).	Layak dua permohonan <i>Contoh: pemandu Grabcar satu permohonan dan Freelancer satu permohonan.</i>
Senario 3: Bekerja di bawah dua sektor yang berbeza (salah satu adalah di bawah platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig).	Sektor pertanian (Penanam padi) dan sektor pengangkutan barangan/makanan (Bungkusit).	Layak satu permohonan <i>Contoh: Hanya boleh memohon untuk Bungkusit (kerana tergolong di bawah platform ekonomi gig).</i>
Senario 4: Bekerja di bawah dua sektor yang berbeza (kedua-dua sektor bukan di bawah platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig).	Penternakan (Penternak ikan patin) dan penjaja (Pasar Malam)	Tidak layak memohon.

- 3.3 Bagi mendapatkan sumbangan dana kerajaan ini, platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig dikehendaki **mendaftar dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**.

- 3.4 Di bawah Skim Bencana Pekerjaan **SKSPS**, di antara faedah yang disediakan adalah seperti berikut:

Jenis Faedah	Pelan
	Pelan 2 (Contoh)
Faedah Perubatan	Berdasarkan kadar Akta Fee

Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	80% daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkecualan menerima RM41 sehari)
Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)	90% daripada RM1,550 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.
Faedah Orang Tanggungan (Kematian) kepada Pasangan / Ibu Bapa / Adik Beradik / Anak.	RM1,395 sebulan sepanjang hayat
Elaun Layanan Sentiasa kepada OBS yang tidak berdaya akibat bencana pekerjaan sehingga memerlukan layanan oleh orang lain.	RM500 sebulan
Faedah Pengurusan Mayat	RM2,000
Faedah Pendidikan	Faedah berbentuk pinjaman pendidikan/biasiswa kepada anak OBS yang layak
Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional	Diberi kepada OBS yang mengalami bencana pekerjaan sendiri

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Platform penyedia perkhidmatan perlu mengemukakan dokumen berikut semasa mengemukakan permohonan Program *PenjanaGig*:
- 4.1.1 salinan pendaftaran SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan; dan,
 - 4.1.2 salinan surat pengesahan MDEC sebagai Rakan Strategik bagi Program Ekonomi Perkongsian
- 4.2 Permohonan *PenjanaGig* perlu dibuat oleh Platform penyedia perkhidmatan dengan melayari laman sesawang gig.perkeso.gov.my.

- 4.3 Permohonan boleh dibuat bermula 15 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021 dan kelulusan setiap permohonan yang dikemukakan adalah tertakluk kepada keputusan PERKESO secara muktamad.

5. PEMAKAIAN

- 5.1 Pelaksanaan Program *PenjanaGig* adalah seperti berikut;

- 5.1.1 Caruman akan dibayar melalui sumbangan kerajaan sebanyak 70%, manakala baki 30% adalah daripada sumbangan caruman oleh platform penyedia perkhidmatan di bawah Pelan 2 seperti Jadual di bawah;

Pelan Caruman	Sumbangan Kerajaan – 70%	Caruman Penyedia Platform – 30%
Pelan 2 (RM232.80)	RM163.00	RM69.80

- 5.1.2 Tempoh Perlindungan di bawah Pelan 2.

- 5.1.3 Perlindungan bermula dari tarikh dan masa penerimaan bayaran caruman SKSPS oleh platform penyedia perkhidmatan.

- 5.1.4 Tiada had bilangan pekerja gig ke atas permohonan yang dibuat.

- 5.2 Kerajaan telah menetapkan program bantuan *PenjanaGig* ini di bawah Pelan 2 sahaja. Walau bagaimanapun sekiranya pekerja gig berkenaan telahpun mencarum di bawah pelan selain Pelan 2 dan berhasrat untuk mendapatkan bantuan dana *PenjanaGig* ini, beberapa senario adalah seperti jadual di bawah;

Senario	Tindakan	Catitan
Senario 1: Pekerja gig memiliki Pelan 2 dan bayaran dibuat secara bulanan/ setahun dan masih/tidak aktif	Pekerja gig boleh menyertai/menyambung program ini	Tempoh Perlindungan 12 bulan di bawah Pelan 2 akan bermula sejurus tempoh perlindungan sedia ada tamat

Senario 2: Pekerja gig mencarum Pelan 1/3/4 dan bayaran dibuat secara bulanan dan masih/tidak aktif	Pekerja gig perlu membayar penuh baki bulanan caruman untuk mencukupkan tempoh 12 bulan caruman di bawah pelan yang sama	Tempoh Perlindungan 12 bulan di bawah Pelan 2 akan bermula sejurus tempoh perlindungan sedia ada tamat
Senario 3: Pekerja gig memiliki Pelan 1/3/4 dan bayaran dibuat secara setahun dan masih aktif	Pekerja gig boleh menyambung program ini	Tempoh Perlindungan 12 bulan di bawah Pelan 2 akan bermula sejurus tempoh perlindungan sedia ada tamat

5.3 Permohonan sumbangan caruman *PenjanaGig* yang diterima hendaklah disaring terlebih dahulu sama ada melalui sistem atau oleh pegawai yang diberi kuasa oleh PERKESO untuk memastikan pemohon memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut;

- 5.3.1 nama OBS tidak bertindan di bawah sektor sama walaupun berlainan platform penyedia perkhidmatan,
- 5.3.2 OBS memenuhi syarat sepertimana kriteria bil. 3.1 di atas,
- 5.3.3 Platform penyedia perkhidmatan memenuhi syarat bil. 3.3 di atas,
- 5.3.4 pengemaskinian profil pendaftaran OBS akan dibuat sejurus kelulusan permohonan dikeluarkan, dan
- 5.3.5 permohonan perlu memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian **1-300-22-8000** atau e-melkan kepada perkeso@perkeso.gov.my

●

7. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan Bil.8 Tahun 2020 adalah berkuatkuasa mulai 15 Jun 2020, dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 15 Jun 2020